AL-QANATIR
INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES
eISSN: 2289-9944
Vol. 35. No. 10. October Issue (2026)

AN ASSESSMENT OF BUY NOW PAY LATER (BNPL) BASED ON A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW: BETWEEN MASLAHAH AND MAFSADAH

PENILAIAN BNPL BERASASKAN ANALISIS LITERATUR SISTEMATIK: ANTARA MASLAHAH DAN MAFSADAH

Auni Sofiya Norhisam[i], Nur Aiman Syakirah Mohd Izhar[ii] & Muhamad Mu'izz Abdullah[iii]

[i] Pelajar Sarjana, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). aunisfiya@gmail.com .
[ii] Pelajar Sarjana, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaa Malaysia (UKM). aimanmip@gmail.com.
[iii] (*Corresponding author*). Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). muizz@ukm.edu.my.

Article Progress
***Received**: 25 June 2026* ***Revised:** 20 July 2026* ***Accepted:** 15 September 2026*

Abstract	*The rapid growth of Buy Now Pay Later (BNPL) usage among youths as an installment payment medium significantly impacts the spending patterns and financial management of Malaysian society. This study aims to analyze the elements of maslahah (benefit) and mafsadah (harm) inherent in BNPL usage based on the Maqasid Shariah framework. To achieve this objective, this study employs a qualitative methodology using content analysis on literature related to BNPL instruments, Islamic transaction principles (muamalat), and the framework of hifz al-mal (preservation of wealth). The findings indicate that BNPL offers maslahah when utilized prudently to fulfill urgent needs (hajiyyat), support cash flow, and facilitate user transactions. However, the instrument also embodies critical mafsadah when involving additional charges that resemble interest (riba), late payment penalties, contractual ambiguity (gharar), and the promotion of impulsive buying and extravagance. Evaluation under the hifz al-mal principle emphasizes that current BNPL practices do not fully align with Maqasid Shariah if these financially detrimental elements remain unregulated. The implications of this study suggest that BNPL instruments must be comprehensively restructured in accordance with transparent Shariah principles to ensure the preservation of consumer wealth while balancing the demands of contemporary digital financial markets.* **Keywords:** *(BNPL), Maqasid, maslahah, mafsadah, hifz.*
Abstrak	*Perkembangan pesat penggunaan Buy Now Pay Later (BNPL) dalam kalangan golongan muda sebagai medium pembayaran ansuran kini memberi kesan ketara kepada corak perbelanjaan dan pengurusan kewangan masyarakat Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur maslahah (kemaslahatan) dan mafsadah (kemudaratan) yang wujud dalam penggunaan BNPL berdasarkan kerangka Maqasid Syariah. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kandungan terhadap literatur berkaitan instrumen BNPL, prinsip muamalat Islam, dan aplikasi hifz al-mal (pemeliharaan harta). Hasil kajian menunjukkan bahawa BNPL mempunyai unsur maslahah apabila digunakan secara berhemah untuk memenuhi keperluan mendesak (hajiyyat), membantu*

aliran tunai, dan memudahkan urusan transaksi pengguna. Walau bagaimanapun, instrumen ini turut mengandungi unsur mafsadah yang kritikal apabila melibatkan caj tambahan yang menyerupai riba, penalti lewat bayar, ketidakjelasan kontrak (gharar), serta kecenderungan mendorong kepada pembelian impulsif dan pemborosan. Penilaian berasaskan prinsip hifz al-mal menegaskan bahawa pelaksanaan BNPL semasa tidak sepenuhnya menepati Maqasid Syariah sekiranya elemen-elemen yang memudaratkan kewangan pengguna ini tidak dikawal. Implikasi kajian mencadangkan agar instrumen BNPL distrukturkan semula secara tuntas mengikut prinsip syariah yang telus bagi memastikan kepentingan harta pengguna terpelihara sekali gus mengimbangi keperluan pasaran kewangan digital masa kini.

Kata kunci: *Buy Now Pay Later (BNPL), Maqasid Syariah, maslahah, mafsadah, hifz al-mal.*

PENDAHULUAN

Buy Now Pay Later (BNPL) merupakan sistem pembayaran digital yang mula berkembang sekitar tahun 2020 seiring dengan penularan wabak COVID-19. Perkembangan ini berlaku apabila masyarakat berdepan dengan tekanan ekonomi, kehilangan pekerjaan dan keperluan terhadap kaedah pembayaran yang lebih fleksibel. Dalam keadaan tersebut, BNPL dilihat sebagai alternatif kewangan yang membolehkan pengguna membuat pembelian segera tanpa perlu menjelaskan bayaran penuh pada peringkat awal.

Mekanisme ini memberi kemudahan kepada pengguna untuk membayar secara ansuran mengikut tempoh yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan. Oleh itu, BNPL pada awalnya muncul sebagai solusi kewangan yang membantu pengguna memenuhi keperluan harian dalam suasana ekonomi yang mencabar. Hal ini selari dengan pandangan Zainudin dan Othman (2024) yang menjelaskan bahawa BNPL membenarkan pembelian segera dan pembayaran secara ansuran.

Dalam konteks Malaysia, penggunaan BNPL semakin meluas melalui platform e-dagang dan aplikasi kewangan digital yang mudah diakses oleh pengguna. Antara platform utama yang mendominasi pasaran BNPL di Malaysia ialah Shopee PayLater, Grab PayLater dan Atome. Ketiga-tiga platform ini dilaporkan menguasai 97% daripada keseluruhan transaksi BNPL di negara ini (Agzah & Fageh, 2024).

Dominasi ini menunjukkan bahawa BNPL telah menjadi sebahagian daripada budaya pembayaran digital masyarakat Malaysia. Namun begitu, perkembangan ini mula menimbulkan kebimbangan apabila penggunaan BNPL terus meningkat walaupun selepas pandemik berakhir. Keadaan ini memperlihatkan bahawa BNPL bukan lagi sekadar kemudahan semasa krisis, tetapi telah membentuk budaya berbelanja digital dalam kalangan masyarakat Malaysia hari ini (Abu Bakar & Salleh, 2025).

Walau bagaimanapun, penggunaan BNPL tanpa kawalan boleh membawa kepada risiko hutang yang serius dalam kalangan pengguna. Hal ini kerana mekanisme BNPL mengurangkan jumlah bayaran kepada ansuran kecil yang kelihatan lebih ringan berbanding jumlah sebenar perbelanjaan. Keadaan ini menyebabkan pengguna cenderung merasakan beban kewangan mereka masih terkawal walaupun pembelian dibuat melebihi kemampuan.

Akibatnya, BNPL berpotensi mendorong pembelian yang tidak dirancang dan meningkatkan kecenderungan berbelanja secara berlebihan. Menurut kajian Deloitte, 68% pengguna di Amerika mengakui telah berbelanja secara berlebihan melebihi kemampuan mereka (Munawwaruzzaman & Jamaludin, 2023). Dapatan ini menunjukkan bahawa kemudahan BNPL lebih banyak menggalakkan tabiat boros berbanding membantu pengurusan kewangan yang sihat.

Selain itu, masalah hutang tertunggak dalam kalangan pengguna BNPL di Malaysia semakin membimbangkan dan mencapai tahap yang kritikal. Risiko ini lebih ketara apabila majoriti pengguna BNPL terdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang mudah

terdedah kepada ketidakupayaan membayar balik hutang. Golongan ini juga lazimnya tidak mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi untuk menampung komitmen kewangan tambahan.

Buktinya, jumlah transaksi BNPL yang tidak dibayar meningkat sebanyak 56% daripada RM0.9 bilion pada September 2023 kepada RM1.42 bilion pada suku pertama 2024 (Hoo et al., 2025). Peningkatan ini memperlihatkan bahawa BNPL boleh menjadi perangkap hutang sekiranya digunakan tanpa kawalan dan perancangan kewangan yang teliti. Justeru, isu hutang tertunggak ini menunjukkan bahawa kemudahan pembayaran digital perlu dinilai bukan sahaja dari sudut manfaat, tetapi juga dari sudut kesan kewangan kepada pengguna.

Di samping itu, BNPL turut dikaitkan dengan peningkatan pembelian impulsif dalam kalangan pengguna. Hal ini kerana ciri BNPL yang mudah, pantas dan mesra pengguna telah mewujudkan persekitaran membeli secara spontan tanpa pertimbangan kewangan yang mendalam. Pengguna berpotensi membuat keputusan pembelian dengan cepat kerana bayaran penuh tidak perlu dibuat pada waktu transaksi.

Kajian mendapati bahawa faktor utama yang mendorong penggunaan BNPL secara impulsif di Malaysia ialah persepsi terhadap kegunaan, kemudahan pengendalian dan norma subjektif. Mekanisme BNPL juga mempercepat proses pembelian sehingga membentuk tabiat berbelanja serta-merta dalam kalangan pengguna (Nik Azmi et al., 2022). Oleh itu, kemudahan platform BNPL yang terlalu mesra pengguna boleh menjadi pemangkin kepada masalah kewangan yang lebih besar dalam masyarakat.

Sehubungan itu, kajian ini memberi fokus kepada analisis maslahah dan mafsadah dalam penggunaan BNPL dengan menjadikan kerangka hifz al-mal sebagai tunjang utama penilaian. Kerangka Maqasid Syariah melalui prinsip hifz al-mal menyediakan asas penilaian yang kukuh dalam menilai penggunaan BNPL menurut perspektif Islam.

Pendekatan ini penting bagi memastikan penggunaan BNPL dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia dapat dinilai berdasarkan keseimbangan antara manfaat dan mudarat. Kegagalan mengimbangi maslahah dan mafsadah bukan sahaja menjadi isu kewangan, malah turut membawa kesan sosial yang lebih luas.

Peningkatan kebergantungan kepada BNPL tanpa kawalan berpotensi membesarkan jurang ekonomi dalam masyarakat Malaysia (Zainudin & Othman, 2024). Oleh itu, kajian ini berperanan sebagai panduan praktikal kepada pengguna Muslim dan penggubal dasar agar penggunaan BNPL dapat diselaraskan dengan tuntutan syariah demi mencapai kesejahteraan kewangan berpaksikan nilai Islam.

SOROTAN LITERATUR

Perkembangan BNPL Secara Global

Revolusi BNPL mula diperkenalkan oleh Klarna di Sweden pada tahun 2005. Konsep BNPL mula dibawa masuk ke Amerika oleh syarikat Affirm pada tahun 2012 dan pada tahun 2014 syarikat Afterpay pula mula mempopularkan penggunaan BNPL secara global. Namun kesan pandemik COVID-19 telah memacu permintaan ke atas penggunaan BNPL kerana ia memaksa pengguna mencari kaedah pembayaran yang lebih fleksibel ketika pendapatan hakiki mula tergugat.

Berbeza dengan kad kredit yang memerlukan semakan kredit yang ketat, BNPL menawarkan kelulusan segera tanpa beban faedah selagi bayaran dibuat tepat pada masanya. Kemudahan kepada akses BNPL menjadi faktor instrumen ini giat digunakan dalam kalangan golongan muda (Deloitte, 2021). Penerimaan ini berlaku secara meluas bukan sahaja di Malaysia, malah turut meresap ke negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Sweden dan Australia seiring dengan peningkatan penggunaan e-dagang di seluruh dunia.

Pasaran BNPL Asia-Pasifik sendiri dijangka mencapai nilai USD 211.7 bilion pada 2025 (Research and Markets, 2025). Hal ini memberi gambaran bahawa penerimaan manusia terhadap BNPL berkembang dengan pantas dalam ekosistem perbelanjaan harian

pengguna moden. Walau bagaimanapun, fungsi BNPL sebagai alternatif kewangan semasa krisis telah berubah menjadi tabiat perbelanjaan masa kini.

Pengguna yang dahulunya menggunakan BNPL untuk keperluan mendesak didapati terus bergantung kepada instrumen ini sekali gus membentuk corak hutang yang semakin membimbangkan. Yue et al. (2022) dalam kajiannya menekankan bahawa kemudahan akses kepada kredit digital boleh menjadi perangkap hutang isi rumah yang terkumpul.

Kebimbangan ini turut diakui oleh (OECD, 2025) yang menyatakan bahawa pertumbuhan BNPL secara global sudah mula menimbulkan persoalan serius terhadap kecukupan mekanisme perlindungan pengguna, terutama dalam kalangan negara-negara yang mempunyai populasi muda dan kadar penerimaan digital yang tinggi. Oleh itu, jelaslah bahawa peningkatan penggunaan BNPL mendorong pertumbuhan risiko kewangan kepada pengguna.

Faktor Penggunaan BNPL

Keputusan seseorang untuk menggunakan BNPL jarang berpunca daripada pertimbangan kewangan yang teliti. Malah ia lebih kerap dipengaruhi daripada tekanan persekitaran secara halus. (Hoo et al. ,2025) mendapati bahawa materialisme dan pengaruh sosial adalah penyumbang utama kepada niat penggunaan BNPL dan pengaruh sosial muncul sebagai faktor paling dominan.

Hal ini kerana individu yang bersifat materialisme cenderung membuat keputusan pembelian berdasarkan emosi dan kemudahan akses terhadap BNPL telah mempercepat proses bertindak tanpa berfikir panjang. Kesannya, pengguna BNPL berbelanja lebih daripada kemampuan kewangan kendiri. Perkara ini telah dibuktikan oleh (Munawwaruzzaman & Jamaludin, 2023) yang mendapati 68% pengguna BNPL di Amerika mengakui telah berbelanja melebihi kemampuan mereka.

Tambahan pula, faktor kemesraan platform itu sendiri direka untuk melemahkan pertimbangan pengguna. (Nik Azmi et al. ,2022) menjelaskan bahawa mekanisme BNPL mempercepatkan proses pembelian sehingga membentuk tabiat berbelanja serta-merta. Hal ini menyebabkan pengguna BNPL tidak perlu berhadapan dengan tekanan psikologi untuk membayar secara tunai.

Kesannya, pengguna BNPL tidak menyedari jumlah hutang kecil BNPL sudah melebihi tahap kemampuan pembayaran semula. Fenomena inilah yang (Zainudin & Othman,2024) gelarkan sebagai perangkap halus BNPL. Justeru, memahami faktor pendorong penggunaan BNPL bukan sekadar soal tingkah laku pengguna, tetapi ia adalah asas penting untuk menilai sama ada BNPL benar-benar membawa maslahah atau sebaliknya membuka pintu kepada mafsadah dalam muamalat harian.

BNPL Sebagai Mekanisme Kewangan Digital

Sebelum sebarang penilaian syariah dapat dilakukan terhadap BNPL, adalah perlu untuk memahami terlebih dahulu bagaimana sistem ini sebenarnya beroperasi. Secara asasnya, BNPL merupakan pembiayaan jangka pendek yang membenarkan pengguna membuat pembelian dengan membahagikan jumlah bayaran kepada ansuran bulanan tanpa memerlukan semakan rekod kredit yang ketat seperti kad kredit (Munawwaruzzaman & Jamaludin, 2023).

Transaksi BNPL melibatkan tiga pihak utama iaitu pengguna, peniaga dan pembekal BNPL. Prosesnya bermula dengan pembekal akan membayar harga penuh kepada peniaga terlebih dahulu dan pengguna kemudiannya membayar balik secara ansuran kepada pembekal mengikut tempoh yang dipersetujui (Abas & Yahaya, 2023). Kemudahan inilah yang menjadikan BNPL lebih menarik berbanding produk kad kredit sedia ada, terutama kepada golongan muda yang tidak mempunyai rekod kredit formal.

Namun, kemudahan yang dibawa oleh BNPL itu sebenarnya menyimpan maslahah dan mafsadah yang perlu diteliti dari sudut syariah. Dalam konsep pinjaman konvensional, caj pemprosesan dan denda lewat bayar dikenakan berasaskan peratusan bulanan yang boleh menyebabkan jumlah bayaran akhir pengguna melebihi harga asal barangan . Hal ini

merupakan sesuatu yang menyerupai riba nasi'ah menurut penilaian para sarjana fiqh muamalat (Fajri & Atmaja, 2026).

Berbeza dengan model BNPL patuh syariah yang distrukturkan melalui akad *murabahah*, *qard* atau *bay' bithaman ajil* menetapkan harga jualan dan margin keuntungan secara telus sejak awal transaksi, tanpa sebarang pertambahan akibat penangguhan masa (Abu Bakar & Salleh, 2025). Oleh itu, kemunculan Buy Now Pay Later (BNPL**)** sebagai instrumen kewangan digital telah menimbulkan pelbagai persoalan dari sudut syariah dan etika kewangan pengguna.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa BNPL sering dikaitkan dengan manfaat seperti fleksibiliti aliran tunai, kemudahan akses kepada pembelian dan kewangan. Walau bagaimanapun terdapat juga dapatan yang menunjukkan aspek yang lebih membimbangkan seperti unsur riba, gharar, pembelian impulsif, budaya berhutang dan kelemahan kawalan kewangan dalam kalangan pengguna. Hal ini membuktikan bahawa instrumen BNPL perlu dianalisis secara lebih mendalam berdasarkan Maqasid Syariah, khususnya mengenai keseimbangan antara maslahah dan mafsadah.

Jadual 1: Sorotan Literatur merumuskan objektif dan dapatan kajian terdahulu (2023 – 2026) yang mengkaji BNPL dengan lebih mendalam.

No	Penulis (Tahun)	Objektif Kajian	Dapatan Kajian	Tema
1	Norsyuhada Ismail et al. (2025)	Menyemak secara kritikal kajian sedia ada mengenai BNPL dan amalan kewangan beretika serta mengenal pasti jurang penyelidikan tentang BNPL patuh Syariah.	Kesedaran pengguna terhadap pilihan BNPL patuh Syariah dan proses pembuatan keputusan mereka merupakan jurang teori yang ketara dan perlu diterokai.	**Maqasid Syariah & BNPL**
2	Mohd Faharizan Hassan et al. (2025)	Mengenal pasti risiko utama berkaitan kebajikan pengguna dan pematuhan etika BNPL melalui pendekatan Maqasid al-Shariah secara konseptual.	BNPL mempunyai peranan dwi, iaitu meningkatkan kuasa beli jangka pendek, tetapi membawa risiko keterhutangan berlebihan dan pembelian impulsif.	
3	Sasmita Nurvinda Laili & Diva Azka Karimah (2025)	Mengkaji penggunaan aplikasi paylater dari perspektif Maqashid Syariah khususnya sama ada ia memenuhi lima aspek utama perlindungan termasuk hifz al-mal.	Penggunaan PayLater perlu disesuaikan mengikut tahap daruriyat, hajiyat dan tahsiniyat. Denda keterlambatan 5% dikategorikan sebagai riba nasi'ah.	
4	Beni Firdaus et al. (2024)	Mengkaji aplikasi hukum Islam terhadap penggunaan BNPL dalam transaksi digital di Indonesia dan menilai kesannya terhadap tingkah laku	BNPL memberi kemudahan tetapi halangan besar wujud untuk patuh Maqasid Syariah. Literasi kewangan, undang-undang dan ketelusan	

		pengguna dan kestabilan ekonomi.	produk mempengaruhi adopsi.	
5	Nur Iman Eirfan (2024)	Menganalisis hubungan antara BNPL dan Maqasid Syariah khususnya aspek Hifz al-Mal termasuk dari sudut prestasi, risiko, isu syariah, dan kedudukan di Malaysia.	Kebanyakan BNPL semasa tidak selari dengan syariah kerana mengandungi riba. Dari perspektif hifz al-mal, BNPL menjejaskan perlindungan harta apabila mendorong hutang dan israf.	
6	Yu Qing Soong et al. (2024)	Mengkaji niat golongan muda di Malaysia untuk menggunakan BNPL dalam persekitaran membeli-belah dalam talian menggunakan SEM ke atas 118 responden.	Kegunaan yang dirasakan dan pengaruh sosial signifikan positif terhadap niat penggunaan BNPL. Faktor umur bertindak sebagai moderator signifikan.	
7	Wong Chee Hoo et al. (2024)	Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat penggunaan BNPL di Malaysia melalui soal selidik 384 responden menggunakan SPSS berlandaskan teori UTAUT.	Materialisme, pengaruh sosial dan kemesraan pengguna signifikan positif. Kepercayaan tidak signifikan. Pengaruh sosial ialah faktor paling dominan.	**Tingkah Laku Pengguna BNPL**
8	Ismah Osman et al. (2024)	Mengkaji faktor penentu kecenderungan Gen Z menggunakan BNPL termasuk materialisme, efikasi kendiri, norma subjektif dan obligasi moral melalui SmartPLS ke atas 440 responden.	Ketujuh-tujuh faktor yang diuji signifikan terhadap kecenderungan penggunaan BNPL.	
9	Muhamad Zuhaili bin Saiman (2023)	Menganalisis konseptual Bay' Bithaman Ajil (BBA) dalam kaedah pembayaran Shopee Pay Later (SPL) bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menjadikan SPL patuh syariah.	Caj pemprosesan kini berasaskan akad ujrah dan caj lewat bayar diubah kepada gharamah yang disalurkan kepada badan kebajikan, bukan untuk keuntungan tambahan.	

10	Nurlailatul Akma Abu Bakar (2025)	Menilai sejauh mana BNPL boleh disesuaikan sebagai wahana perbelanjaan patuh syariah dan beretika melalui tinjauan literatur sistematik terhadap 15 kajian terpilih.	BNPL diharuskan oleh MPS BNM dengan syarat akad syariah yang sesuai serta berpotensi sebagai alat pengurusan kewangan yang meringankan beban pengguna.	
11	Alaa al Obaid (2024)	Menilai pematuhan BNPL terhadap peraturan riba, gharar dan keadilan dari perspektif Syariah menggunakan pendekatan fiqh analitikal dan temu bual dengan ulama.	Sesetengah kontrak BNPL bercanggah dengan Syariah, tetapi boleh diadaptasi dengan menghapuskan caj faedah dan meningkatkan ketelusan.	**Kontrak & Hukum BNPL**
12	Azlin Ahmad et al. (2022)	Mengkaji sama ada transaksi Shopee Pay Later mematuhi teori qard dalam fiqh muamalat melalui analisis dokumen dan kaedah deskriptif.	SPL tidak dibenarkan dalam Islam kerana caj yang dikenakan dianggap riba. Kaedah pay later tidak menepati teori qard dalam Islam.	
13	All-Mu'izz Abas & Mohammad Zaini Yahaya (2023)	Mengkaji sama ada SPayLater Malaysia mematuhi Syariah melalui analisis dokumen dan data pemerhatian berdasarkan teori muamalat.	SPayLater adalah patuh Syariah dan harus menurut hukum Syariah.	
14	Yose Rizal Fajri & Dani Atmaja (2026)	Menganalisis struktur kontrak transaksi PayLater moden dan mereka bentuk model patuh Syariah menggunakan pendekatan undang-undang normatif.	Skim PayLater konvensional menyerupai riba nasi'ah dan mengandungi gharar. Cadangan kepada transformasi kepada bai' bi tsaman ajil.	
15	Nurnikman Podin et al. (2025)	Mengkaji kesan BNPL terhadap Millennials dan Gen Z di Malaysia dari aspek sosial, ekonomi, politik dan psikologi melalui temu bual mendalam.	Empat kesan utama dikenal pasti, iaitu normalisasi hutang, perubahan tabiat perbelanjaan, keperluan regulasi dan keresahan kewangan.	

16	Ainul Yusna Harahap et al. (2025)	Menganalisis kesesuaian BNPL dengan prinsip kewangan Islam serta implikasinya terhadap pengurusan kewangan dan kelestarian kewangan golongan milenial di Kota Langsa menggunakan kaedah kuantitatif.	BNPL berpengaruh positif signifikan terhadap pengurusan dan kelestarian kewangan milenial. Namun, mekanisme BNPL semasa masih mengandungi unsur riba dan gharar. Prinsip kewangan Islam memediasi signifikan antara BNPL dan pengurusan kewangan.	**Kesan BNPL (Sosial, Ekonomi & Psikologi)**
17	Nur Aina Farisha Anuar Ali et al. (2025)	Menilai sama ada perkhidmatan BNPL di Malaysia mematuhi prinsip Syariah dan undang-undang perlindungan pengguna melalui analisis sumber undang-undang kualitatif.	Hanya satu platform BNPL didapati patuh Syariah melalui model BBA yang diperakui. Platform lain menimbulkan kebimbangan kerana menyerupai kredit konvensional.	**Polisi & Perundangan (Legal Framework)**
18	Nurul Izzati Md Rashid (2024)	Meneroka sama ada konsep BNPL selaras dengan prinsip undang-undang Islam melalui tinjauan literatur komprehensif terhadap teks Islam, fatwa dan keputusan undang-undang Malaysia.	Penemuan awal menunjukkan konflik berkaitan riba dan gharar. Mencadangkan garis panduan bagi penggubal dasar untuk memastikan BNPL mematuhi prinsip Islam.	
19	Sharidatul Akma Abu Seman (2025)	Mengkaji mengapa Generasi Z menerima pakai BNPL dengan meneliti kegunaan yang dirasakan, kemudahan penggunaan, pengaruh sosial dan literasi kewangan menggunakan SmartPLS.	Semakin tinggi literasi kewangan seseorang, semakin kurang kecenderungannya untuk menggunakan BNPL kerana mereka lebih memahami risiko hutang yang mungkin timbul.	**Pengurusan Hutang & Literasi Kewangan**
20	Lay Hong Tan et al. (2026)	Mengkaji hubungan antara penggunaan BNPL dan pengurusan hutang dalam kalangan 150 pelajar universiti Malaysia	Keupayaan pengurusan kewangan, sikap dan kawalan tingkah laku mempengaruhi BNPL secara signifikan.	

		melalui survei dalam talian dan analisis hipotesis.	Literasi kewangan rendah menyumbang kepada tekanan hutang lebih tinggi.	
21	Namrata Singh et al. (2025)	Menilai kesan perkhidmatan BNPL terhadap tingkah laku pengguna dalam pembelian dalam talian di Delhi NCR, India melalui soal selidik berstruktur dan analisis deskriptif.	BNPL menggalakkan perbelanjaan lebih tinggi dan pembelian impulsif, terutamanya dalam kalangan pengguna muda. Risiko kesukaran kewangan meningkat tanpa pengurusan yang baik.	
22	Adinda Selvina Adhani et al. (2025)	Menganalisis fenomena pembelian impulsif melalui Shopee PayLater dari perspektif Maqashid Syariah menggunakan SLR terhadap 15 artikel.	BNPL menyumbang signifikan kepada pembelian impulsif dan ketidakstabilan kewangan serta dikaitkan dengan israf dan gharar.	**Pembelian Impulsif & Amalan Israf**
23	Enny Ratnawati et al. (2025)	Menganalisis konsep gaya hidup konsumtif dari perspektif QS Al-Isra' 26-27 dan implikasi BNPL menggunakan tafsir Al Munir dan Al Misbah.	Gaya hidup konsumtif BNPL mendorong israf dan tabdzir yang dilarang Islam. Penundaan pembayaran bersifat riba kerana denda melebihi tempoh.	

Jadual 1 di atas memaparkan analisis sorotan literatur yang mengenal pasti tujuh tema utama. Tema-tema tersebut diperincikan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Tema kajian sorotan literatur
(Sumber: Analisis Penulis, 2026)

No	Tema	Jumlah
1	Kontrak & Hukum BNPL	6
2	Maqasid Syariah & BNPL	5
3	Tingkah Laku Pengguna BNPL	3
4	Pembelian Impulsif & Amalan Israf	3
5	Polisi & Perundangan (Legal Framework)	2
6	Pengurusan Hutang & Literasi Kewangan	2
7	Kesan BNPL (Sosial, Ekonomi & Psikologi)	2
	Jumlah	**23**

Berdasarkan pemerhatian penulis, kajian khusus mengenai kebaikan dan keburukan BNPL masih kurang dikaji dan ia signifikan dengan tema Maqasid Syariah. Tema ini banyak dibincangkan dalam sorotan literatur selepas tema Kontrak dan Hukum BNPL. Oleh itu, kajian ini akan memberi penekanan khusus terhadap penilaian instrumen BNPL

dari sudut Maqasid Syariah, khususnya dalam menimbang keseimbangan antara maslahah dan mafsadah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap sumber-sumber sekunder yang relevan, merangkumi artikel jurnal akademik, laporan industri, dokumen dasar serta garis panduan syariah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia. Pemilihan sumber dilakukan secara bertujuan dengan memberi keutamaan kepada kajian-kajian terbitan 2022 hingga 2026 bagi memastikan data yang dianalisis adalah terkini dan relevan dengan perkembangan semasa ekosistem BNPL di Malaysia.

Analisis dijalankan menggunakan pendekatan tematik berpandukan kerangka Maqasid Syariah, khususnya dimensi hifz al-mal, bagi mengenal pasti, mengkategorikan dan menilai elemen maslahah dan mafsadah yang terkandung dalam amalan BNPL semasa. Data yang terkumpul kemudiannya disintesis secara deskriptif-analitikal untuk membentuk penilaian yang sistematik dan berasaskan prinsip muamalat Islam.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Tema: Maslahah Buy Now Pay Later (BNBL) Dalam Kerangka Maqasid Syariah

Pasaran BNPL di Malaysia berkembang pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini sekali gus menunjukkan bahawa instrumen ini semakin diterima sebagai salah satu kaedah pembayaran digital yang penting. Oleh itu, bahagian dapatan ini menilai kedudukan BNPL berdasarkan kerangka Maqasid Syariah dengan membezakan elemen maslahah dan mafsadah dalam amalan semasa.

Pengiktirafan Syariah sebagai Asas Maslahah BNPL

Perbahasan yang menyatakan BNPL secara mutlak bercanggah dengan Syariah perlu dicabar secara intelektual kerana keputusan otoritatif yang mengiktiraf instrumen ini dalam muamalat Islam telah pun wujud dan berkuat kuasa. Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia telah memutuskan bahawa kemudahan BNPL adalah harus bagi institusi di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 berkuat kuasa 24 Januari 2024 dengan syarat BNPL distrukturkan berdasarkan kontrak patuh Syariah yang memelihara muqtada al-aqad dan bebas daripada unsur riba (Bank Negara Malaysia 2024).

Keputusan MPS ini bukan sekadar keharusan bersyarat sebaliknya merupakan pengiktirafan bahawa BNPL boleh menjadi aktiviti sah kepada kontrak jual beli Islam. Muhamad Zuhaili Saiman (2023) mendapati bahawa Shopee PayLater Malaysia telah mengubah suai akadnya kepada ujrah manakala caj lewat bayar ditukarkan kepada gharamah yang disalurkan kepada badan kebajikan bukan untuk keuntungan tambahan.

Hal ini membuktikan bahawa transformasi BNPL kepada model patuh Syariah bukan lagi wacana akademik semata-mata tetapi telah dilaksanakan secara operasional. Walau bagaimanapun, hakikat kritikal yang sering terlepas pandang adalah keputusan MPS 2024 ini hanya mengikat kepada institusi kewangan Islam yang berlesen sedangkan majoriti transaksi BNPL di pasaran Malaysia dikendalikan oleh institusi bukan bank yang beroperasi di luar skop pengawasan Syariah yang sama (Nur Aina et al., 2025).

Justeru, dakwaan maslahah BNPL berdasarkan syariah ini adalah sah tetapi skopnya terhad dan jurang kritikal yang perlu ditangani sejauh mana keputusan MPS ini telah meresap ke dalam amalan BNPL terhadap institusi bukan bank yang mendominasi pasaran pengguna Muslim di Malaysia.

BNPL sebagai Instrumen Kewangan (Hifz al-Mal)

Islam menuntut agar harta diurus menurut kehendak Syariah kerana harta bukan sahaja menjadi keperluan hidup, bahkan turut berpotensi melalaikan manusia sekiranya tidak

dipandu dengan jalan yang benar. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Kahfi ayat 46:

﴿ الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴾

Harta benda dan anak-anak ialah perhiasan kehidupan dunia dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik di sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.

Berdasarkan firman Allah ini jelas bahawa harta dalam Islam tidak dilihat sekadar sebagai aset material tetapi sebagai unsur yang perlu ditadbir secara bertanggungjawab agar menjadi wasilah kepada kesejahteraan bukan punca kemudaratan. Penilaian terhadap BNPL menjadi penting kerana instrumen tersebut berkait langsung dengan cara pengguna memperoleh, mengurus dan membelanjakan harta.

Justeru, kerangka Maqasid Syariah khususnya hifz al-mal menjadi asas yang relevan untuk menilai sama ada BNPL benar-benar menepati tujuan Syariah dalam merealisasikan maslahah dan mencegah mafsadah. Maslahah BNPL yang jelas dari sudut hifz almal dapat dilihat pada peranannya dalam memperluas akses kewangan kepada golongan yang sukar mendapatkan kemudahan kad kredit.

Menurut Laporan Fintechnews Malaysia (2025) terdapat 5.1 juta pengguna BNPL aktif di Malaysia dan hampir tiga perempat daripada mereka berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan. Keadaan ini menunjukkan bahawa BNPL bukan sekadar menjadi alat pembayaran tetapi juga menjadi saluran kewangan alternatif bagi golongan rentan yang biasanya tidak memenuhi syarat kelayakan kad kredit. Oleh itu, BNPL dilihat berfungsi sebagai akses kewangan kepada pengguna yang sebelum ini terpinggir daripada sistem kad kredit.

Selain itu, BNPL juga memudahkan 63% penggunanya beralih daripada pemberi pinjaman tidak formal yang lebih berisiko (Billplz 2026). Dapatan ini menunjukkan bahawa BNPL berperanan sebagai maslahah wiqayah iaitu manfaat yang bersifat pencegahan kerana membantu pengguna mengelakkan pembiayaan yang lebih memudaratkan. Tambahan pula, penembusan kad kredit yang masih terhad dalam kalangan pengguna Malaysia menjadikan BNPL sebagai pilihan yang lebih menarik khususnya kepada Millennials dan Gen Z melalui pelan ansuran tanpa faedah (ResearchAndMarkets 2025).

Keadaan ini menunjukkan BNPL berada pada kategori hajiyyat kerana ia membantu mengurangkan kesulitan dalam urusan muamalat harian selaras dengan kaedah fiqh al-masyaqqah tajlib al-taysir iaitu kesulitan mendatangkan kemudahan (Eirfan 2024). Walau bagaimanapun, manfaat ini perlu difahami secara berhati-hati kerana masih terdapat keperluan untuk menilai sejauh mana BNPL benar-benar dimanfaatkan oleh golongan yang memerlukan dan bukan sekadar menyokong corak perbelanjaan yang bukan keperluan dalam kalangan pengguna tertentu.

Maslahah BNPL dalam Efikasi Kewangan

Selain itu, maslahah BNPL yang kurang diberi perhatian dalam literatur ialah potensinya dalam meningkatkan keupayaan pengguna dalam membuat keputusan kewangan yang lebih baik khususnya dalam kalangan generasi muda yang baru memasuki sistem kewangan formal. Ismah Osman et al. (2024) melalui kajian SmartPLS terhadap 440 responden mendapati bahawa efikasi kendiri merupakan antara faktor signifikan yang mempengaruhi kecenderungan penggunaan BNPL dalam kalangan Generasi Z.

Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat sebahagian pengguna yang menggunakan BNPL secara terancang bukan semata-mata secara impulsif. Sharidatul Akma (2025) pula mendapati bahawa semakin tinggi literasi kewangan seseorang, semakin rendah kecenderungannya untuk menggunakan BNPL kerana mereka lebih memahami risiko hutang yang terlibat. Keadaan ini menunjukkan bahawa BNPL dalam keadaan tertentu boleh mendorong pengguna untuk lebih peka terhadap pengurusan kewangan mereka.

Walau bagaimanapun, maslahah ini tidak berlaku secara menyeluruh kepada semua pengguna. Kajian menunjukkan bahawa Millennials lebih cenderung menggunakan BNPL sebagai alat pengurusan belanjawan, manakala Generasi Z lebih terdedah kepada penggunaan berlebihan akibat sikap impulsif dan tahap kemahiran kewangan yang lebih rendah. Kesimpulannya, perbezaan ini menunjukkan bahawa manfaat BNPL dalam aspek kesedaran kewangan sangat bergantung pada latar belakang pengguna.

Maslahah BNPL dalam Sosioekonomi Ummah

Maslahah BNPL bukan sahaja melibatkan manfaat kepada individu, tetapi juga memberi kesan kepada kepentingan awam. Di Malaysia, jumlah transaksi BNPL meningkat sebanyak 22.4% kepada RM102.6 juta dalam separuh pertama tahun 2025, manakala nilai transaksi pula meningkat 31.0% kepada RM9.3 bilion berbanding separuh kedua tahun 2024 (Bank Islam Malaysia 2025).

Perkembangan ini menunjukkan bahawa BNPL telah menjadi salah satu pemacu penting dalam aktiviti ekonomi khususnya dalam ekosistem e-dagang yang turut menyokong peniaga kecil dan sederhana. Mohd Faharizan Hassan et al. (2025) turut mengakui bahawa BNPL berperanan meningkatkan kuasa beli jangka pendek, manakala Beni Firdaus et al. (2024) menegaskan bahawa kemudahan ini menyumbang kepada perkembangan transaksi digital dan pertumbuhan ekonomi yang lebih meluas.

Dari sudut Maqasid Syariah, manfaat ini menunjukkan bahawa BNPL boleh membawa maslahah pada peringkat masyarakat, bukan hanya kepada pengguna secara individu. Namun demikian, manfaat tersebut tidak boleh dinilai secara berasingan daripada risiko sistemik yang mungkin berlaku. Dalam hal ini, penilaian terhadap nilai bersih BNPL perlu bersandarkan kepada kaedah fiqh *Dar' al-Mafasid Muqaddam 'ala Jalb al-Masalih* iaitu menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mengambil manfaat.

Walaupun terdapat maslahah ekonomi yang nyata melalui peningkatan transaksi dan kuasa beli, namun sekiranya instrumen ini merosakkan aspek *Hifz al-Mal* individu melalui normalisasi hutang berlebihan dan kegagalan aliran tunai. Oleh itu, usaha menangani mafsadah tersebut adalah lebih utama dan kritikal untuk didahulukan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penilaian terhadap BNPL tidak boleh dibuat hanya berdasarkan manfaat pasaran, kemudahan pembayaran atau peningkatan penggunaan semata-mata. Sebaliknya, instrumen ini perlu dinilai dalam kerangka Maqasid al-Syariah yang meletakkan kesejahteraan ekonomi, keadilan, dan pemeliharaan harta sebagai asas utama.

Dalam Islam, keuntungan dan kemudahan tidak boleh dicapai dengan mengabaikan kesejahteraan hidup atau mendedahkan pengguna kepada kesulitan dan kemudaratan yang lebih besar. Justeru, kedudukan BNPL hanya dapat dianggap selaras dengan Syariah apabila ia benar-benar berfungsi memelihara harta, mengurangkan kesulitan, dan mengelakkan unsur yang membawa kepada hutang berlebihan, pembaziran, serta ketidakstabilan kewangan.

Kesimpulannya, pemeliharaan al-mal perlu dijadikan neraca utama dalam menentukan sama ada BNPL benar-benar menghasilkan maslahah yang diiktiraf syarak atau sebaliknya membuka ruang kepada mafsadah dalam amalan muamalat semasa.

Analisis Tema: Mafsadah Buy Now Pay Later (BNPL) Dalam Kerangka Maqasid Syariah

Walaupun tujuan asal BNPL adalah untuk memudahkan urusan transaksi kepada golongan berpendapatan rendah, namun kelebihannya telah disalahgunakan sehingga membawa kepada mafsadah yang lebih berat. Penulis mendapati terdapat beberapa isu

utama yang mendedahkan mafsadah BNPL dari sudut hifz mal. Berikut merupakan perbincangan kajian:

Riba dan Gharar dalam Akad BNPL

Majoriti platform BNPL yang mendominasi pasaran Malaysia masih beroperasi di luar skop pengawasan Syariah yang formal. Pada penghujung Jun 2025, sebanyak 16 pengendali platform BNPL yang wujud di Malaysia, namun hanya 4 daripada platform tersebut adalah patuh syariah iaitu SPayLater, Boost PayFlex, Moby Islamic dan Du-it (Fintechnews Malaysia, 2025).

Hakikat ini mendedahkan jurang yang amat ketara antara skala penggunaan BNPL yang semakin meluas dengan tahap pematuhan Syariah yang masih jauh daripada mencukupi. Ini juga bermakna 12 daripada 16 platform yang beroperasi bebas tanpa sebarang pengawasan Syariah yang ketat.

Ketiadaan pematuhan Syariah dalam majoriti platform ini secara langsung membuka ruang kepada unsur riba dan gharar dalam muamalat pengguna Muslim. Kajian (Ahmad et al.,2022) menegaskan bahawa kaedah pay later tidak menepati teori qard dalam Islam dan caj yang dikenakan dianggap riba, manakala (Yose Rizal, 2026) mengesahkan bahawa struktur BNPL konvensional menyerupai riba nasi'ah secara langsung. Riba ini berpunca daripada caj tambahan yang dikenakan semata-mata akibat penangguhan masa pembayaran, bukan atas dasar sebarang perkhidmatan yang sah.

Unsur gharar pula wujud apabila terma kontrak yang kabur dan berlapis menyebabkan pengguna tidak dapat mengetahui jumlah sebenar tanggungan mereka pada waktu transaksi dibuat (Obaid, 2024), bertentangan dengan tuntutan asas muamalat Islam yang mewajibkan kejelasan dan ketelusan dalam setiap akad. Oleh itu, selagi mana platform BNPL tidak membetulkan struktur akad kontrak yang jelas, mafsadah riba dan gharar akan terus wujud dan menjadikan penggunaan platform BNPL tidak mematuhi prinsip syariah.

Normalisasi Pembelian Impulsif dan Amalan Israf

Corak penggunaan BNPL ternyata membentuk tabiat perbelanjaan yang tidak terkawal dalam kalangan pengguna muda. Hal ini disebabkan oleh kemudahan akses BNPL yang membolehkan pembelian dilakukan serta-merta tanpa perlu membuat bayaran penuh dan menjadikan pengguna sewenang-wenangnya menambah hutang BNPL tanpa pertimbangan yang wajar.

(Selvina Adhani et al, 2025) mengesahkan bahawa penggunaan Shopee PayLater antara penyumbang kepada pembelian impulsif, ketidakstabilan kewangan serta dikaitkan dengan israf dan gharar. Kenyataan ini disokong oleh (Hoo et al, 2024) apabila kemudahan penggunaan platform BNPL didapati menjadi faktor utama yang mendorong tabiat berbelanja tanpa pertimbangan dalam kalangan pengguna muda.

Keadaan ini secara langsung mencetuskan gaya hidup yang membawa kepada isrāf dan tabdhīr, iaitu amalan yang jelas dilarang dalam al-Quran surah al-Isra' ayat 26-27 (Enny Ratnawati et al, 2025). Kesimpulannya, reka bentuk platform BNPL yang memudahkan pembelian secara berhutang menjadi pemangkin kepada tabiat perbelanjaan yang bercanggah dengan prinsip kesederhanaan dalam Islam.

Kesan terhadap Sosial, Ekonomi & Psikologi

Kesan penggunaan BNPL juga mampu menghakis kesejahteraan mental dan kestabilan hidup golongan muda secara keseluruhan. Perkara ini berlaku kerana penggunaan had kredit BNPL tanpa kawalan mewujudkan kemampuan berhutang yang tinggi kepada pengguna BNPL. (Podin et al, 2025) mendapati kesan utama BNPL terhadap golongan Millennial dan Gen Z di Malaysia ialah normalisasi hutang dan perubahan tabiat

Perbelanjaan ke arah tidak terkawal, manakala (Tan et al,2026) mengesahkan bahawa keupayaan pengurusan kewangan yang lemah dan literasi kewangan yang rendah dalam kalangan pelajar universiti menyumbang kepada tekanan hutang yang lebih tinggi. Rentetan itu, kajian (Ettman et al., 2025) mendapati bahawa individu yang mengalami

simptom kemurungan hampir dua kali ganda lebih berkemungkinan menggunakan BNPL berbanding mereka yang tidak mengalami masalah kesihatan mental.

Dapatan ini mendedahkan hubungan dua hala yang berbahaya iaitu tekanan kewangan memburukkan kesihatan mental, dan kesihatan mental yang lemah pula mendorong penggunaan BNPL yang lebih tinggi, mewujudkan kitaran yang tidak berkesudahan. Di Malaysia, hubungan antara BNPL dan tekanan mental bukan sekadar statistik tetapi telah mengakibatkan tragedi yang nyata.

Pada September 2025, sebuah insiden di Pulau Pinang melibatkan seorang guru yang mengelar isterinya berpunca daripada tekanan menanggung bayaran ansuran BNPL. Pakar perubatan Dr Zainal Ariffin Omar menegaskan bahawa gabungan tekanan kewangan yang melampau, konflik rumah tangga dan ketiadaan saluran sokongan yang efektif boleh mendorong seseorang ke tahap stres tidak terkawal sehingga bertindak di luar kawalan (Free Malaysia Today, 2025).

Lebih membimbangkan, BNPL kini telah meresap ke dalam institusi perkahwinan melalui trend "kahwin dahulu, bayar kemudian" (Harian Metro, 2026). Justeru itu, mafsadah ini bukan sahaja menjejaskan kestabilan kewangan individu, malah turut mengancam dimensi hifz al-nafs dalam maqāṣid al-Sharīʿah apabila tekanan hutang yang berterusan membawa kepada kesan psikologi yang serius.

Berdasarkan mafsadah yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa mafsadah BNPL tidak berlaku secara spontan. Namun ia berkait rapat dengan tujuan penggunaan BNPL. Semakin jauh niat penggunaan BNPL daripada keperluan sebenar, semakin besar potensi mafsadah yang timbul. Oleh yang demikian, penilaian terhadap penggunaan BNPL perlu merujuk kepada tahap keperluan dalam Maqasid Syariah bagi menentukan sama ada penggunaan BNPL itu membawa maslahah atau sebaliknya. Jadual berikut merumuskan klasifikasi penggunaan BNPL mengikut tahap keperluan Maqasid Syariah:

Jadual 3: Klasifikasi Penggunaan BNPL mengikut tahap Maqasid Syariah
Sumber: (Analisis Penulis, 2026)

Penggunaan BNPL	**Contoh Barangan/ Perkhidmatan**	**Ciri Utama**	**Tahap Keperluan**
Keperluan Asas & Penting	Perubatan, pendidikan, barangan dapur, utiliti	Tidak boleh ditangguh (melibatkan kelangsungan hidup)	Daruriyyah
Keperluan Pelengkap	Peralatan rumah, pakaian harian, pengangkutan	Boleh ditangguh sedikit (meringankan beban)	Hajiyyah
Keinginan & Kemewahan	Fesyen berjenama, gajet terkini, pelancongan, barangan viral	Tidak mendesak (didorong nafsu dan pengaruh sosial)	Tahsiniyyah

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kedudukan *Buy Now Pay Later* (BNPL) berdasarkan Maqasid Syariah tidak boleh ditentukan secara mutlak sebagai instrumen yang sepenuhnya membawa maslahah atau mafsadah. Sebaliknya, penilaiannya bergantung pada bentuk akad, ketelusan terma transaksi, tujuan penggunaan, tahap keperluan serta kesan kewangan yang ditanggung oleh pengguna.

Pengiktirafan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pada 24 Januari 2024 menunjukkan bahawa BNPL masih mempunyai ruang dalam muamalat Islam apabila distrukturkan berdasarkan kontrak patuh Syariah dan bebas daripada unsur riba. Walau bagaimanapun, dapatan bahawa hanya empat daripada 16 platform BNPL di Malaysia dikenal pasti sebagai patuh Syariah menunjukkan masih terdapat jurang yang besar antara

prinsip pematuhan Syariah dengan realiti operasi pasaran semasa (Fintechnews Malaysia 2025).

Dari sudut maslahah, BNPL berpotensi memperluas akses kewangan kepada pengguna, khususnya golongan berpendapatan rendah yang sukar mendapatkan kemudahan kredit formal. Hal ini dapat dilihat melalui kewujudan 5.1 juta pengguna aktif BNPL di Malaysia yang sebahagian besarnya berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan (Fintechnews Malaysia 2025).

Selain itu, BNPL turut berpotensi mengurangkan kebergantungan pengguna kepada pemberi pinjaman tidak formal yang lebih berisiko apabila 63% pengguna dilaporkan memilih BNPL sebagai alternatif kepada pembiayaan tersebut (Billplz 2026). Dari sudut ekonomi pula, perkembangan nilai transaksi BNPL memperlihatkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekosistem kewangan digital dan aktiviti e-dagang.

Namun demikian, manfaat tersebut hanya dapat dianggap sebagai maslahah yang diiktiraf Syariah apabila transaksi mempunyai akad yang jelas, digunakan secara berhemah dan tidak membebankan kemampuan kewangan pengguna. Walau bagaimanapun, analisis kajian mendapati bahawa mafsadah BNPL dalam amalan semasa lebih luas dan memerlukan perhatian yang serius.

Ketiadaan pengawasan Syariah terhadap sebahagian besar platform membuka ruang kepada kewujudan unsur riba *nasi'ah*, gharar dan caj lewat bayar yang tidak menepati prinsip muamalat Islam. Keadaan ini berisiko menyebabkan pengguna Muslim terlibat dalam transaksi yang tidak selari dengan Syariah tanpa memahami sepenuhnya struktur akad dan jumlah tanggungan mereka.

Pada masa yang sama, kemudahan akses, kelulusan segera dan pembahagian harga kepada ansuran kecil turut mendorong pembelian impulsif, pembaziran, normalisasi hutang dan perbelanjaan melebihi kemampuan. Kesan tersebut bukan sahaja menjejaskan pemeliharaan harta, malah berpotensi memberi tekanan terhadap kesejahteraan hidup dan kestabilan psikologi pengguna.

Berdasarkan analisis tahap keperluan Maqasid Syariah, penggunaan BNPL lebih berpotensi menghasilkan maslahah apabila digunakan bagi memenuhi keperluan yang bersifat *daruriyyah* dan *hajiyyah*, seperti perubatan, pendidikan, barangan asas, utiliti dan keperluan pengangkutan. Sebaliknya, penggunaan bagi tujuan *tahsiniyyah*, seperti barangan mewah, gajet terkini, fesyen berjenama dan barangan yang dipengaruhi trend, mempunyai risiko mafsadah yang lebih tinggi sekiranya dilakukan tanpa kemampuan kewangan yang mencukupi.

Oleh itu, tujuan penggunaan menjadi faktor penting dalam menentukan sama ada sesuatu transaksi BNPL membawa kemudahan yang diiktiraf Syariah atau mendorong kepada pembaziran dan keterhutangan. Berdasarkan neraca *hifz al-mal* dan kaedah fiqh *dar' al-mafasid muqaddam 'ala jalb al-masalih*, pencegahan kemudaratan kewangan perlu didahulukan daripada memperoleh kemudahan transaksi dan peningkatan kuasa beli semata-mata.

Dapatan ini menunjukkan bahawa maslahah BNPL bersifat bersyarat, manakala mafsadahnya boleh menjadi lebih dominan apabila instrumen tersebut tidak dikawal melalui struktur akad yang jelas, pengawasan Syariah, regulasi yang menyeluruh dan tahap literasi kewangan yang mencukupi. Justeru, BNPL hanya dapat berfungsi sebagai instrumen kewangan yang selari dengan Maqasid Syariah apabila penggunaannya benar-benar memelihara harta, memenuhi keperluan yang munasabah dan tidak menghasilkan kemudaratan yang lebih besar kepada pengguna.

CADANGAN APLIKASI BNPL BERDASARKAN KERANGKA MAQASID SYARIAH

Peringkat Pengguna

Cadangan 1: Tingkatkan Literasi Kewangan Islam Sebelum Menggunakan BNPL

Pengguna BNPL perlu dilengkapkan dengan literasi kewangan Islam yang mencukupi sebelum menggunakan mana-mana platform BNPL. Hal ini kerana tahap literasi kewangan yang rendah mendorong pengguna kepada risiko hutang melampau dan

tekanan kewangan yang berpanjangan. Justeru itu, usaha meningkatkan literasi kewangan Islam perlu dipergiatkan melalui program pendidikan kewangan yang mengintegrasikan prinsip muamalat Islam, agar pengguna mampu membuat keputusan penggunaan BNPL secara sedar, bertanggungjawab dan selari dengan kehendak Syariah.

Cadangan 2: Hadkan Penggunaan BNPL kepada Keperluan Ḍarūriyyah dan Ḥājiyyah Sahaja

Pengguna Muslim perlu menetapkan disiplin diri dengan menghadkan penggunaan BNPL hanya kepada barangan dan perkhidmatan yang bersifat ḍarūriyyah dan ḥājiyyah. Islam secara jelas melarang pembaziran dan perbelanjaan melebihi keperluan seperti dalam larangan isrāf dan tabdhīr yang membawa kemudaratan dalam pengurusan harta.

Oleh itu, pengguna perlu sentiasa menilai niat dan tujuan setiap transaksi BNPL berdasarkan tahap keperluan Maqasid Syariah sebelum membuat sebarang keputusan pembelian. Hal ini bagi memastikan penggunaan BNPL kekal dalam batas yang dibenarkan Islam dan tidak menjejaskan objektif hifz al-māl.

Cadangan 3: Pantau Tahap Hutang Agar Tidak Melebihi Kemampuan Bayar

Pengguna BNPL perlu sentiasa memantau dan mengawal jumlah keseluruhan hutang yang ditanggung agar tidak melebihi kemampuan sebenar pembayaran. Kemudahan BNPL yang tidak memerlukan jaminan atau penilaian kredit yang ketat boleh mewujudkan ilusi kemampuan kewangan yang palsu dan menyebabkan pengguna terlibat dalam jerat hutang tanpa kawalan.

Oleh itu, pengguna mestilah mengamalkan prinsip qanā'ah dan menetapkan had peribadi penggunaan BNPL berdasarkan kemampuan kewangan sebenar, bukan sekadar berdasarkan had kredit yang ditetapkan oleh platform BNPL.

Peringkat Pembuat Dasar

Cadangan 1: Pelantikan Badan Penasihat Syariah bagi Platform BNPL

Walaupun MPS BNM telah mengeluarkan garis panduan BNPL pada tahun 2024, skop penguatkuasaannya hanya terhad kepada institusi kewangan Islam yang berlesen di bawah BNM sahaja. Platform BNPL yang dibangunkan oleh syarikat teknologi kewangan bukan bank masih beroperasi di luar skop pengawasan syariah yang formal. Perkara ini mewujudkan jurang kawalan yang serius dalam ekosistem kewangan digital.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan mendesak untuk memperluas keperluan pematuhan Syariah kepada semua platform BNPL, sama ada melalui pindaan undang-undang sedia ada atau penggubalan peraturan baharu di bawah Akta Kredit Pengguna 2025. Langkah ini bukan sahaja menutup jurang pengawasan yang sedia ada, malah memastikan bahawa tuntutan pematuhan Syariah oleh mana-mana platform BNPL adalah telus dan mengikut piawaian syariah yang telah ditetapkan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah mencapai objektif dalam menganalisis unsur maslahah dan mafsadah penggunaan *Buy Now Pay Later* (BNPL) berdasarkan kerangka Maqasid Syariah, khususnya prinsip *hifz al-mal*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa BNPL mempunyai kedudukan yang bersifat bersyarat dan tidak boleh dinilai secara mutlak sebagai instrumen yang sepenuhnya membawa manfaat atau kemudaratan. Penilaian terhadapnya bergantung pada struktur akad, ketelusan transaksi, tujuan penggunaan dan kesannya terhadap kedudukan kewangan pengguna.

BNPL boleh membawa maslahah apabila digunakan secara berhemah untuk memenuhi keperluan yang munasabah, memudahkan pembayaran dan membantu pengurusan aliran tunai tanpa membebankan pengguna. Sebaliknya, BNPL membawa mafsadah apabila mengandungi unsur riba dan gharar, atau apabila penggunaannya

mendorong pembelian impulsif, pembaziran dan keterhutangan yang melebihi kemampuan.

Oleh itu, berdasarkan prinsip *hifz al-mal*, penggunaan BNPL hanya dapat dianggap selari dengan Maqasid Syariah apabila manfaatnya membantu memelihara harta dan kemudaratannya dapat dielakkan atau dikawal. Secara keseluruhannya, maslahah BNPL bersifat bersyarat, manakala penggunaannya yang tidak terkawal berpotensi membuka ruang kepada mafsadah yang lebih besar terhadap kesejahteraan kewangan masyarakat.

RUJUKAN

Abas, A. M. & Yahaya, M. Z. 2023. SPayLater Malaysia: Satu analisis pematuhan syariah berdasarkan teori muamalat. Jurnal Muamalat 16(1): 45–62.

Abu Bakar, N. A. 2025. BNPL sebagai wahana perbelanjaan patuh syariah dan beretika: Satu tinjauan literatur sistematik. Jurnal Pengurusan dan Muamalat Islam 8(1): 1–20.

Abu Seman, S. A. 2025. Literasi kewangan dan penerimaan BNPL dalam kalangan Generasi Z: Analisis SmartPLS. Jurnal Ekonomi Islam Malaysia 11(2): 33–51.

Adhani, A. S., Nurhayati, & Mugiyati. 2025. Systematic literature review (SLR): Fenomena impulsive buying dalam layanan buy now pay later (BNPL) Shopee dari perspektif ekonomi syariah. Jurnal Ilmiah Edunomika 9(4). https://doi.org/10.29040/jie.v9i4.18289

Agzah, L. P. L. P. & Fageh, A. 2024. Review of Maqashid Sharia related to Shopee PayLater affects flexing lifestyle. al-Afkar, Journal for Islamic Studies 7(3): 803–813. https://doi.org/10.31943/afkarjournal.v7i3.1046

Ahmad, A., Ismail, N. & Ramli, R. 2022. Shopee Pay Later dan teori qard dalam fiqh muamalat: Satu analisis. Jurnal Muamalat dan Kewangan Islam 5(2): 12–28.

Al-Obaid, A. 2024. Shariah compliance in Buy Now Pay Later schemes: An analytical fiqh approach. Journal of Islamic Banking and Finance 41(2): 78–96.

Anuar Ali, N. A. F., Razak, D. A. & Hussin, H. 2025. Pematuhan syariah dan perlindungan pengguna dalam perkhidmatan BNPL di Malaysia. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat 29(1): 88–107.

Asyraf Wajdi Dusuki & Abdulazeem Abozaid. 2007. A critical appraisal on the challenges of realizing maqasid al-Shariah in Islamic finance. International Journal of Economics, Management and Accounting 15(2): 143–165.

Azlin Alisa Ahmad, Nurul Azlin Hashim, Risma Nur Arifah & Nadhirah Nordin. 2022. An analysis of Shopee Pay Later transactions based on the Qard theory. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 12(11): 1453–1465.

Bank Islam Malaysia. 2025. Thematic: The double-edged sword of Buy Now Pay Later (BNPL). Jabatan Penyelidikan Ekonomi Bank Islam Malaysia. https://www.bankislam.com [Capaian 1 Mei 2026].

Bank Negara Malaysia. 2024. Keputusan Majlis Penasihat Syariah: Kemudahan Buy Now Pay Later. https://www.bnm.gov.my [Capaian 1 Mei 2026].

Billplz. 2026. BNPL Malaysia: Comparison, integration and offerings. https://main.billplz.com [Capaian 1 Mei 2026].

Deloitte. 2021. Buy Now Pay Later: Risks and Rewards. Deloitte Insights. https://www.deloitte.com/us/en/services/consulting/articles/buy-now-pay-later-risk.html

Eirfan, N. I. 2024. BNPL dan Maqasid Syariah: Analisis hubungan dari aspek hifz al-mal di Malaysia. Jurnal Kewangan Islam 7(1): 19–38.

Ettman, C. K., Shah, H., Prus, E., Castrucci, B., & Galea, S. 2025. Poor mental health and the use of buy now, pay later loans. JAMA Health Forum.

Fajri, Y. R. & Atmaja, D. 2026. Struktur kontrak PayLater moden dan model patuh syariah: Pendekatan undang-undang normatif-doktrinal. Journal of Islamic Finance and Law 4(1): 55–74.

Fincrew. 2025. BNPL boom in Malaysia: Growth, risks, and the path forward. https://blog.fincrew.my [Capaian 1 Mei 2026].

Fintechnews Malaysia. 2025. Malaysia's youth debt crisis isn't waiting, so why is the law? https://fintechnews.my [Capaian 1 Mei 2026].

Fintechnews Malaysia. 2025. Malaysia Passes Consumer Credit Law as Oversight Catches Up With BNPL Growth. https://fintechnews.my/52913/fintech-lending-malaysia/consumer-credit-bill-2025/ [Capaian 5 Mei 2026].

Firdaus, B., Rahmawati, D. & Kurniawan, A. 2024. Aplikasi hukum Islam terhadap BNPL dalam transaksi digital di Indonesia. Jurnal Hukum Ekonomi Syariah 9(2): 101–120.

Free Malaysia Today. 2025. Tragedi guru kelar isteri cetus amaran risiko BNPL, kata perunding. https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/02/tragedi-guru-kelar-isteri-cetus-amaran-risiko-bnpl-kata-perunding [Capaian 5 Mei 2026].

Harahap, A. Y., Siregar, M. F. & Nasution, R. 2025. BNPL dan kelestarian kewangan milenial: Kajian kuantitatif di Kota Langsa. Jurnal Ekonomi dan Keuangan Islam 12(1): 66–85.

Harian Metro. 2026. Trend 'kahwin dahulu, bayar kemudian' berisiko tinggi pakar. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1341523/trend-kahwin-dahulu-bayar-kemudian-berisiko-tinggi-pakar [Capaian 5 Mei 2026].

Hassan, M. F., Abdullah, K. & Mokhtar, S. 2025. Risiko kebajikan pengguna dan etika BNPL: Pendekatan Maqasid al-Shariah. Jurnal Muamalat dan Ekonomi Islam 9(1): 1–18.

Ismail, N., Yusoff, N. H. & Ramlan, H. 2025. BNPL dan amalan kewangan beretika: Sorotan kritikal dan jurang penyelidikan. Journal of Islamic Economics and Finance 6(1): 1–22.

Md Rashid, N. I. 2024. Konsep BNPL dan prinsip undang-undang Islam: Tinjauan literatur komprehensif. Jurnal Undang-Undang Islam Malaysia 12(2): 44–63.

Mohammad Zaini Yahaya & All-Mu'izz Abas. 2023. Shopee Pay Later Malaysia payment method in terms of Shariah rulings. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 13(4): 603–614.

Muhamad Zuhaili Saiman. 2023. Analisis konsep Bay' Bithaman Ajil (BBA) dalam method pembayaran aplikasi Shopee Pay Later (SPL). Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF) 5(2): 1–11.

Munawwaruzzaman Mahmud & Muhammad Aqil Syafiq Jamaludin. 2023. Isu-isu syariah berkaitan buy now pay later (BNPL) dan e-wallet. Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-17: 1–17.

Nik Nuraisyah Nik Azmi, Nur Hazrini Mohd Zahari, Zainon Md Yunus, Farhana Hanim Mohsin & Norhayati Md Isa. 2022. Exploring the factor influencing buy now pay later mechanism on the impulsive purchase decision in Malaysia. International Journal of Business and Economy 4(4): 48–57.

Noor Azillah Mohamad Ali & Rozihanim Shekh Zain. 2022. Beli dahulu bayar kemudian (BNPL). Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan 9: 9–12.

Nur Aina Farisha Anuar Ali, Ruzian Markon & Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif. 2025. Buy now pay later (BNPL) in Malaysia: A Shariah and consumer protection analysis. International Journal of Research and Innovation in Social Science 9(6): 5557–5565.

Nurlailatul Akma Abu Bakar & Ahmad Dahlan Salleh. 2025. Beli dahulu bayar kemudian (BNPL) sebagai wahana perbelanjaan patuh syariah dan beretika: Satu tinjauan literatur. Journal of Contemporary Islamic Law 10(2): 20–28.

Nurvinda Laili, S. & Karimah, D. A. 2025. Penggunaan aplikasi paylater dari perspektif Maqashid Syariah. Jurnal Ekonomi Syariah Indonesia 15(1): 50–68.

OECD. 2025. Supporting informed and safe use of short-term online credit and Buy Now Pay Later through digital financial literacy. OECD Publishing, Paris. https://doi.org/10.1787/37d47be4-en

Osman, I., Ramli, N., Ghazali, M. & Yusof, R. 2024. Faktor penentu kecenderungan Gen Z menggunakan BNPL: Analisis SmartPLS. Jurnal Pengurusan 68(1): 23–42.

Podin, N., Yusoff, N. T. I., Jie, N. R., Halim, S. N. A., Amran, N. F. A., & Fakhruddin, F. M. 2025. Exploring the impacts of Buy Now, Pay Later (BNPL) payment method among millennials and Generation Z in Malaysia. International Journal of Research and Innovation in Social Science 9(6): 6488–6503.

Ratnawati, E., Aseri, A. F., & Hafidzi, A. 2025. Gaya hidup konsumtif dan regulasi ekonomi syariah: Analisis QS Al-Isra' 26-27 terhadap fenomena Buy Now Pay Later (BNPL) di Indonesia. Al-Munir: Jurnal Studi Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir.

ResearchAndMarkets. 2025. Malaysia Buy Now Pay Later business report 2025: BNPL payments to grow by 15.1% to reach $2.52 billion. GlobeNewswire.

Saiman, M. Z. 2023. Bay' Bithaman Ajil dalam kaedah pembayaran Shopee Pay Later: Analisis konseptual. Jurnal Muamalat Malaysia 15(1): 30–48.

Sasmita Nurvinda Laili & Diva Azka Karimah. 2025. Kajian penggunaan aplikasi paylater dalam pandangan Maqashid Syariah. Islamic Economics and Business Review 7(1): 1–16.

Singh, N., & Sahni, S. 2024. Impact of Buy Now Pay Later (BNPL) services in online shopping on consumer behaviour in Delhi NCR. ShodhKosh: Journal of Visual and Performing Arts 5(4): 1276–1284. https://doi.org/10.29121/shodhkosh.v5.i4.2024.4146

Soong, Y. Q., Tan, L. H. & Lim, K. H. 2024. Niat penggunaan BNPL dalam kalangan golongan muda Malaysia: Kajian SEM. Asian Journal of Business and Accounting 17(1): 111–132.

Tan, L. H., Yusof, A. S., Ong, A. L. L., Suthib, A. A., Rosmira, A. A. I., & Kee, D. M. H. 2026. Buy Now Pay Later (BNPL) usage and its impact on debt management among Malaysian university students. International Journal of Accounting and Finance in Asia Pacific 9(1): 90–103.

Ulfah Mansurah Zainudin & Ahmad Azam Othman. 2024. Legal issues of buy now pay later (BNPL) schemes in Malaysia. Proceedings of the 12th UUM International Legal Conference 2023 (UUMILC 2023): 206–220.

Wong, C. H., Lim, S. P. & Ahmad, F. 2024. Faktor-faktor yang mempengaruhi niat penggunaan BNPL di Malaysia: Kajian UTAUT. Jurnal Pengurusan dan Teknologi 22(1): 77–96.

Yu Qing Soong, Chen Shan Wong, Wei Chien Ng & Khai Wah Khaw. 2024. The intention of young adults in Malaysia toward using Buy Now Pay Later (BNPL) in an online shopping environment. International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences 13(4): 602–619.

Yue, P., Korkmaz, A. G., Yin, Z., & Zhou, H. 2022. The rise of digital finance: Financial inclusion or debt trap? Finance Research Letters 47: 102604. https://doi.org/10.1016/j.frl.2021.102604.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.